

11/01/1999

PM pemimpin paling sesuai perjelas kekeliruan

KUALA LUMPUR, Ahad - Pemimpin Umno dan MCA menyifatkan kesediaan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menjelajah ke seluruh negara untuk menjelaskan kekeliruan rakyat, membuktikan keprihatinannya untuk menyelesaikan masalah yang dihadapi.

Malah, mereka menyifatkan Perdana Menteri adalah pemimpin paling sesuai untuk menjelaskan masalah itu, selepas, Datuk Seri Anwar Ibrahim dipecat daripada kerajaan dan parti.

Menteri Kesihatan yang juga Naib Presiden MCA, Datuk Chua Jui Meng, berkata Perdana Menteri adalah orang terbaik dan mempunyai pengalaman untuk menjelaskan kekeliruan rakyat.

"MCA menyokong penuh usaha Perdana Menteri turun ke padang menjelaskan kepada rakyat mengenai usaha kerajaan memulihkan kekeliruan rakyat mengenai perkembangan politik terkini.

"Sebagai parti komponen, wakil rakyat MCA akan turut membantu dan meminta rakyat terus memberi sokongan kepada kerajaan," katanya ketika mengulas cadangan Dr Mahathir menjelajah ke seluruh negara selepas Aidilfitri ini.

Perdana Menteri berkata, sebelum ini sebahagian daripada tugasnya turun ke padang untuk bertemu pemimpin negeri dan rakyat itu diserahkan kepada timbalannya.

"Saya tidak buat lawatan ke negeri agak lama. Saya berpendapat elok kalau saya buat lawatan ke negeri untuk berjumpa dengan ahli parti dan orang ramai kerana mereka sekarang nampaknya terkeliru dengan pergolakan politik negara kita," katanya ditanya sebab beliau melepaskan semua portfolio, yang pertama kali berlaku sejak beliau menjadi Perdana Menteri.

Ketua Penerangan Perhubungan Umno Kedah, Datuk Badruddin Amirudin, pula berkata langkah itu membolehkan rakyat mendengar terus penjelasan Perdana Menteri bagi mengikis kekeliruan selama ini.

"Saya yakin rakyat mudah menerima penjelasan Perdana Menteri dan ini membuktikan pemimpin negara sangat prihatin terhadap soal perpaduan orang Melayu," katanya.

Beliau berkata, orang ramai perlu mengambil peluang itu untuk mendengar sendiri penjelasan Perdana Menteri dan menyokong keputusan yang dilaksanakan kerajaan.

Menurutnya, Biro Penerangan sudah menyusun program penerangan dengan menubuhkan Tepuk untuk menjelaskan mengenai kekeliruan orang ramai mengenai isu politik semasa dan usaha kerajaan memulihkan ekonomi.

"Penjelasan Perdana Menteri bukan saja boleh memulihkan kekeliruan, malah berupaya mengukuhkan sokongan rakyat kepada kerajaan Barisan Nasional yang akan menghadapi pilihan raya umum," katanya.

Badruddin berkata, pelantikan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi sebagai Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri pula boleh meringankan beban tugas Dr Mahathir kerana Naib Presiden Umno itu berpengalaman luas dan setia kepada parti.

(END)